

Khalid kunci mulut kedudukan Rodziah
Malaysian Insider
Aug 14, 2014
OLEH JAMILAH KAMARUDIN

Menteri Besar Selangor Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim enggan mengesahkan status terkini Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) PKR Rodziah Ismail selepas Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Batu Tiga itu mengisytiharkan memihak arahan parti.

Khalid yang ditemui pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) enggan mengulas lanjut, sebaliknya bergegas naik ke pejabatnya di tingkat 21, Bangunan Setiausaha Kerajaan (SUK) di Shah Alam, hari ini.

Sementara itu Exco PAS Dr Halimah Ali ketika ditemui pemberita mengesahkan surat pemecatan akan diberikan kepada Rodziah tidak lama lagi

"Surat akan keluar...sama macam (exco) lain," katanya.

Mengulas mengenai kedudukan Ketua Umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai penasihat Ekonomi Selangor, Khalid berkata perkara itu tidak dibincangkan dalam mesyuarat.

"Kita tak bincang," katanya.

Rodziah dalam kenyataan pagi tadi mengumumkan memihak kepada PKR dalam krisis kedudukan menteri besar.

Beliau sekaligus bakal hilang jawatan portfolio Kebajikan dan Hal Ehwal Wanita, menyertai lima exco PKR dan DAP lain yang dipecat Khalid pada Selasa lalu.

"Dalam konteks itu, saya akan akur kepada keputusan PKR, yang saya anggotai.

"Keakuran saya itu, saya percaya adalah untuk menunaikan amanah, memelihara mandat yang diberi rakyat pada Pilihan Raya Umum ke-13 lalu kepada Pakatan Rakyat (PR) untuk mentadbir negeri Selangor," katanya dalam kenyataan tiga perenggan awal pagi ini.

Beliau menjelaskan "kehilangannya" semasa krisis Selangor kerana berada di Bangkok, Thailand selama tiga hari mewakili PKR dalam kursus politik.

Namun difahamkan, pemecatan Rodziah tidak akan berlaku dalam masa terdekat kerana Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah berangkat ke luar negara semalam dan hanya akan kembali pada 23 Ogos depan.

Khalid memerlukan perkenan dan tanda tangan Sultan Sharafuddin sebelum dapat memecat Rodziah secara rasmi.

Khalid semalam dilaporkan mahu memberi peluang kepada Rodziah untuk kekal dalam exco jika terus menyokongnya sebagai ketua eksekutif negeri.

"Saya nak tunggu dia kembali dan buat keputusan. Jika beliau bersetuju bekerjasama dengan ahli exco yang ada sekarang, khidmatnya akan diteruskan.

"Kalau tidak, dia juga akan diberikan surat penamatan," katanya.

Sultan Sharafuddin pada 12 Ogos lalu memperkenankan penamatan khidmat lima exco selepas Khalid memberi alasan kenyataan mereka melanggar 10 Perkara sumpah taat setia.

Proses itu hanya mengambil masa dua jam melalui surat bertulis dan menimbulkan rasa tidak puas hati exco kerana Khalid tidak menghadap Sultan mengikut undang-undang.

Istana pada petang semalam kemudiannya menyerahkan notis rasmi ke pejabat exco masing-masing dan mereka diberi tempoh dua minggu untuk mengosongkan pejabat.

Dalam Pemilihan PKR 2014, Rodziah berada dalam kem Khalid bersaing merebut jawatan ketua Wanita PKR, menentang penyandang Zuraida Kamaruddin daripada kem "Keadilan Raya" bersama Timbalan Presiden PKR Mohamed Azmin Ali. – 14 Ogos, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/khalid-kunci-mulut-kedudukan-rodziah>